

1981

BANGKOK, 4 AGOS (BERNAMA)— DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BELIAU BEGITU BERHARAP BAHAWA DENGAN SEDIKIT SEBANYAK PANDUAN, MALAYSIA AKAN DAPAT MENCAPAI HARMONI PERKAUMAN YANG SEBENAR.

PERDANA MENTERI BERXATA TIDAK ADA CARA YANG DRAMATIK UNTUK MEWUJUDKAN HARMONI DI KALANGAN KAUM KERANA INI ADALAH SATU MASALAH YANG RAMAI ORANG DAPAT MENYELESAIKANNYA.

BELIAU BERXATA DEMIKIAN DALAM SOALJAWAB DI MAJLIS JAMUAN MAKAN TENGAHARI ANJURAN KELAB WAHTAWAN-WARTAWAN ASING NEGERI THAI DI SINI.

KATANYA DI MANA JUGA TERDAPAT BERBAGAI KAUM TINGGAL BERSAMA, PERTELAGAHAN MEMANG ADA DAN DI BEBERAPA BUAH NEGARA KEADAAN ITU BERTERUSAN BERTAHUN-TAHUN.

+SAYA RASA KAMI TELAH MENCAPAI KEJAYAAN BERBANDING DENGAN BEBERAPA BUAH NEGARA TERTENTU, HUBUNGAN KAUM DI MALAYSIA ADALAH LEBIH BAIK DARIPADA NEGARA-NEGARA DI MANA WUJUDNYA BERBILANG KAUM+. KATANYA.

KATANYA MEMANG BENAR ADA MASALAH KAUM DI MALAYSIA DAN BELIAU TELAH MENEKANKAN HAKIKAT INI DALAM UCAPAN-UCAPANNYA DAN TULISAN-TULISANNYA SEBELUM INI TERUTAMA DALAM BUKUNYA +THE MALAY DILEMMA+. -- BERSAMBUNG 1941/MK

MAHATHIR - KAUM 2 BANGKOK

DASAR EKONOMI BARU BERPOKOK KEINSAFAN BAHAWA TERDAPAT MASALAH PERKAUMAN DI MALAYIA YANG WUJUD KIBAT TIDAK ADA PERSIMPANGAN KEMAJUAN EKONOMI ANTARA KUMPULAN-KUMPULAN KAUM.

TAMBAHNYA RAKYAT TELAH MENYEDARI BAHAWA DASAR EKONOMI BARU TELAH MEMBAWA KEBAIKAN TERMASUK BAGI MEREKA YANG BERPENDAPAT BAHAWA PELUANG-PELUANG MEREKA DITAFIKAN DAN SEKARANG MEREKA TELAH MENDAPAT KEUNTUNGAN DARI DASAR ITU.

RAMAI MULA MENYEDARI BAHAWA DASAR EKONOMI BARU MERUPAKAN DASAR YANG CUBA MENGEMBANGKAN EKONOMI, DISAMPING MENWUJUDKAN MASYARAKAT YANG LEBIH ADIL SUPAYA SEMUA KAUM DAPAT HIDUP TANPA KETAKUTAN DAN CEMBURU ANTARA SATU SAMA LAIN, KATANYA.

SELAIN DARI IYU YEOASNYA LAGI APA YANG PALING PENTING IALAH MENERANGKAN KEPADA RAKYAT BAHAWA DASAR EKONOMI BARU MERUPAKAN PENGGERAK KEMAJUAN YANG KEMAKMORAN DAPAT DITAGIHKAN SEMULA.

INI TELAH DAPAT DITERIMA DAN AKHIR-AKHIR INI MASYARAKAT CINA MENYAMBUT BAIK PADA DASAR ITU, KATANYA. -- BERSAMBUNG 1902/MK

MAHATHIR - KAUM 4 BANGKOK

DALAM HUBUNGAN INI JUGA DENGAN MEMBELI DOKUMEN-DOKUMEN SULIT KERAJAAN DAN MENYIARKANNYA ADALAH MERUPAKAN PERBUATAN YANG MEMBERI KESAN TERHADAP HUBUNGAN ANTARABANGSA.

+KAMI CUBA UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH (ANTARA NEGARA) TETAPI TUAN-TUAN CUBA MENIMBULKAN PULA MASALAH+, KATANYA DI IKUTI DENGAN GELAK KETAWA.

+SAYA MUNGKIN ADA KECATATAN DI BADAN TETAPI PERLUKAH SAYA MENANGGALKAN PAKAIAN DAN MENUNJUKKAN+, PERTANYAAN BELIAU INI DISAMBUT DENGAN GELAK KETAWA YANG LEBIH MEMANJANG.

+BIARLAH KITA SOROKAN KECATATAN KITA+.

RENCANA YANG BELIAU TULIS ITU KATANYA HANYA UNTUK AKHBAR-
AKHBAR DI MALAYSIA KERANA BELIAU INGIN MEREKA MEMAHAMI BAHAWA
MEREKA ADALAH SEBAGIAN DARI PROSES MENOLONG MEMBANGUN NEGARA.

+SEKIRANYA KITA MAHUKAN SEBUAH NEGARA BERBILANG KAUM YANG
BERSATU PADU MAKA AKHBAR-AKHBAR HENDAKLAH JUGA MEMAINKAN
PERANAN MEREKA, + KATANYA.

+JIKA SAYA HENDAK MENAPIS AKHBAR-AKHBAR CARA YANG PALING BAIK
BUKAN MENULIS DALAM AKHBAR TETAPI HANYA MENYKAT MEREKA DARI
TIDAK BERGERAK+, KATANYA. -- BERNAMA 1925/MK .

B630

MAHATHIR - KAUM 3 BANGKOK ,

+SAYA MENDAPATI BAHAWA MEREKA SEDIKA MENDENGAR DAN MEREKA
TELAH BERTANYA SAYA APA YANG MEREKA PERLU BUAT, + TAMBAH DATUK
SERI DR. MAHATHIR.

KALGAN PENIAGA CINA JUGA BERKATA DASAR LALU+ BERKONFRANSI+
DENGAN KERAJAAN TELAH BERLALU DAN MAHU MEMBERI SUMBANGAN POSITIF
PADA DASAR EKONOMI BARU.

KATANYA, BELIAU MENERIMA IKRAR MEREKA ITU DAN BERPENDAPAT MEREKA
AKAN BERBUAT SESUATU,

DITANYA MENGENAI SEBUAH RENCANA YANG BELIAU TULIS DALAM
SEBUAH AKHBAR DI MALAYSIA YANG MENGKRITIK AKHBAR-AKHBAR DAN SAMADA
INI BERERTI BELIAU MENGENAKAN TAPISAN KEPADA AKHBAR-
AKHBAR, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA:

+SAYA TIDAK BERNIAT UNTUK MENEKAN AKHBAR TETAPI SAYA INGIN
MELIHAT MEREKA LEBIH BERTANGGUNGJAWAB+, KATANYA.

BELIAU BERKATA BUTIR-BUTIR LANJUT MENGENAI PENYEKATAN
RAMPRISAN SEBUAH KAPALTERBANG OLEH PIHAK BERKUASA YANG
DIMUATKAN OLEH BEBERAPA BUAH AKHBAR TIDAK WAJAR KERANA LA-PORAN
SEPERTI ITU AKAN HANYA MEMBUATKAN BAKAL-BAKAL PERAMPAS MERANCANG
DENGAN LEBIH TELITI UNTUK MASA DEPAN. -- BERSAMBUNG 1920/MK